

Ke arah masyarakat inovatif dan kreatif

Bahagian 3



Dr. Ali Qassem

www.aliqassem.com

www.penceramahmotivasi.com

Pembentukan sebuah masyarakat yang seimbang. Pendidikan perlu fokus kepada keupayaan, bakat dan minat seseorang individu. Ini sangat-sangat perlu untuk kemakmuran negara dan perkembangan kerohanian serta memupuk kesedaran diri seseorang.

Setiap manusia dilahirkan dengan 3 kurniaan. Pertama adalah kebebasan dan kuasa untuk memilih. Kedua adalah prinsip diri yang universal dan jelas. Ketiga adalah 4 dimensi kemenjadian; minda, tubuh badan, perasaan dan rohani.

Hampir setiap individu mempunyai kuasa untuk meningkatkan pemikiran dan memanfaatkan minda untuk memperkayakan kreativiti. Namun begitu, ia bergantung kepada keupayaan dan kesanggupan seseorang untuk berbuat sedemikian. Keupayaan dan kesanggupan itulah yang membezakan tahap kreativiti seseorang.

Untuk menjadi kreatif, anda harus bermula komited dengan strategi yang membolehkan anda menjadi lebih baik dan menjadi jauh lebih baik.

Langkah pertama adalah dengan mengatur satu strategi yang dirancang rapi. Anda harus tahu bahawa kreativiti bukanlah satu bakat tetapi adalah satu kemahiran yang boleh dipelajari.

Apa yang kita fikirkan atau imajinasikan; ia akan memberikan hasil. Hasil itu sama ada satu kebanggaan atau kegagalan. Namun begitu, kehidupan kita bukanlah ditentukan dengan apa yang kita fikirkan, impikan, rancangan atau imajinasikan. Ia ditentukan oleh hasil pemikiran, impian, rancangan atau imajinasi kita; ia ditentukan dengan apa yang dicapai.

Sistem kepercayaan manusia adalah dibentuk daripada realiti kehidupan, fakta dan maklumat yang betul. Apabila sistem kepercayaan ini digabungkan dengan perasaan, emosi dan tindakan yang perlu akan timbul untuk mencapai satu status mental yang lebih baik.

Anda harus percaya bahawa anda mempunyai keupayaan dan bakat untuk melakukan yang jauh lebih baik daripada apa yang anda sedang lakukan. Justeru itu dapat membuahkan hasil yang lebih lumayan.

Anda harus mempercayai anda patut memiliki kehidupan yang lebih baik daripada sekarang kerana anda mampu melakukan yang lebih baik. Anda mempunyai kehebatan dalam diri yang sememangnya 'saya boleh!'.

Tuhan mencipta segala makhluk dan benda dengan tujuan. Anda adalah makhluk ciptaan Tuhan. Anda ada tujuan dilahirkan ke dunia. Zig Ziglar berkata, "Anda dilahirkan untuk menjadi pemenang. Tetapi untuk menjadi seorang pemenang, anda harus merancang untuk menang, bersedia untuk menang dan menjangkakan kemenangan itu – percaya yang anda boleh menang."

Dengan itu anda perlu mengenalpasti kelemahan diri. Ubah kelemahan diri kepada kekuatan diri dengan mengikuti dan mengamalkan strategi yang dirancang berulang kali.

Apakah strateginya ? Mulakan dengan belajar dan memperolehi ilmu pengetahuan. Dengan ilmu pengetahuan yang cetek, anda tidak dapat berkembang jauh.

Anda harus menambahkan maklumat yang sahih dan tepat kepada minda setiap hari agar minda menjadi lebih berkualiti. Ini boleh dilakukan melalui pembacaan suratkhbar, bacaan buku-buku ilmiah, hadir seminar dan sebagainya. Keupayaan minda anda menjadi semakin hebat dan berkuasa. Anda akan merasai perubahan personaliti dan mendapati hasil kerja anda yang jauh lebih baik daripada yang sebelumnya. Anda akan mempunyai lebih banyak idea dalam melakukan sesuatu perkara.

Kreativiti anda akan dapat ditingkatkan lagi jika anda menempatkan diri dalam iklim dan persekitaran yang betul, terutamanya orang-orang yang anda bergaul.

Orang yang berfikiran positif akan menggalakkan dan membantu anda mencungkil kehebatan diri. Di sebaliknya pula, orang yang berfikiran negatif membantutkan kehebatan diri anda.

Orang yang berjaya akan sanggup melakukan apa yang tidak sanggup dilakukan oleh orang yang kecundang. Orang yang berjaya tidak akan melakukan apa yang dilakukan oleh orang yang kecundang.

Kreativiti anda akan dapat dipertingkatkan dan diperkukuhkan dengan melakukan aktiviti yang betul. Jenis aktiviti yang dilakukan dan disiplin diri memberikan hasil yang kita kehendaki.

Seseorang asyik tertanya-tanya mengapa dirinya tidak juga boleh menjadi lebih baik. Bagaimana hendak menjadi lebih baik jika dia hanya membeli beberapa buah buku sahaja dalam seumur hidupnya tetapi membeli 5 helai baju baru setiap bulan?

Adalah tidak salah untuk membeli baju baru, tetapi adalah salah jika sanggup membeli 5 helai baju baru setiap bulan tetapi tidak sanggup membeli 2 buah buku setiap bulan. Itu adalah contoh aktiviti yang tidak betul.

Seseorang pelajar menghabiskan 4 jam sehari dengan bermain dalam internet dan menggunakan 20 minit sahaja dalam pelajaran. Bermain tidaklah salah, tetapi bermain lebih banyak daripada belajar, itulah aktiviti yang salah.

Formula kejayaan adalah melakukan apa jua aktiviti yang betul secara berulang kali. Ini semua adalah berkaitan dengan apa yang patut dilakukan, bila patut dilakukan dan cara melakukannya.

Formula kegagalan pula adalah anda mampu melakukannya tetapi anda tidak melakukannya.